

Nilai Kegigihan dalam Sajak Melayu

The Value of Diligency Malay Poetry

MOHD HAIDI MOHD KASRAN

ABSTRAK

Rakyat Malaysia ialah aset negara yang paling berharga. Antara cabaran terbesar negara ialah usaha untuk melahirkan masyarakat yang cemerlang dari segi pendidikan dan kerjaya. Justeru, penerapan nilai kegigihan yang merangkumi nilai ketekunan dan kerajinan sangat penting dalam merealisasikan kehendak ini. Beberapa buah sajak yang dipilih akan dibaca kesemuanya dengan Teknik Bacaan Rapi (Close Reading Technique). Setiap sajak yang dibaca akan dianalisa isi kandungannya (Content Analysis) dengan berlandaskan konsep nilai. Didapati sajak yang membawa unsur nilai kegigihan telah diterjemahkan oleh penyair dalam sajak-sajak mereka yang merupakan benih untuk membentuk masyarakat ke arah tindakan dan perlakuan positif.

Kata kunci: Nilai; kerajinan; perlakuan positif

ABSTRACT

Malaysians are the most important assets to this country. One of the biggest challenges to this country is the effort to produce excellent citizens in both education and career. Therefore moulding the value of diligence that includes enthusiasm and hardworking is of utmost importance in order to ensure the realisation of this need. A selection of poetry had been chosen to be read using the technique of Close Reading. The content of every poem would be analysed with value as its basis. The various poems that carry the diligence values such as hope opinion and motivation had been inculcated by the poet into their poems that promote positive behaviour for the future generation.

Keywords: Value; diligence; positive behaviour

PENGENALAN

Nilai mempunyai fungsi mengenal dan mencorakkan pola tingkah laku sebagai alat untuk mendapatkan pengertian serta menentukan corak sosial seseorang atau kelompok sosial. Sufean (1995) menyatakan nilai ialah idea tentang kepentingan, faedah, mutu, dan kebernilaian tentang segala benda, perkara dan fenomena yang terdapat dan berlaku di alam semesta ini. Nilai ialah aspek kualitatif dan subjektif hasil pertimbangan pemikiran dan emosi manusia tentang pengalamannya dalam proses interaksi dengan alam sekitar dan masyarakat. Hasil daripada pertimbangan pemikiran dan emosi, maka manusia meletakkan sesuatu nilai kepada segala yang dialaminya. Selain itu, manusia juga memberikan darjah nilai yang berbeza-beza kepada sesuatu perkara yang dipertimbangkannya. Oleh yang demikian, manusia menetapkan nilai ‘baik dan bagus’ kepada perkara yang mendatangkan faedah, keseronokan dan kesejahteraan. Nilai ‘buruk’ atau ‘jahat’ diberikan kepada perkara yang

mendatangkan kemudarat dalam kehidupan manusia yang mengamalkannya.

Wan Hashim (1998) menyatakan nilai sebagai sesuatu yang mempunyai faedah dan kepentingan bersama oleh sesuatu benda yang merupakan idea abstrak yang dikongsi bersama oleh masyarakat. Sesuatu yang ditakrifkan sebagai nilai baik atau nilai buruk, bukan sesuatu yang dilahirkan secara fizikal kerana ia sesuatu yang tidak wujud di hadapan mata (Nik Safiah 1985) tetapi biasanya dizahirkan melalui tingkah laku masyarakat sesuatu budaya. Nilai adalah salah satu komponen yang membentuk budaya itu sendiri. Nilai berubah mengikut masa dan juga persekitaran. Perubahannya memberi kesan yang sangat mendalam kepada perubahan budaya atau cara hidup sesuatu masyarakat sebagai mana pendapat Hashim (2008) yang menyatakan bahawa nilai ialah yang menjadi asas pertimbangan bagi seseorang atau sesuatu kelompok manusia untuk menentukan sama ada sesuatu perkara atau benda itu baik, benar, bermanfaat, indah dan diingini serta cuba diperoleh dan dibina atau sebaliknya; buruk,

palsu, berbahaya, dibenci dan berusaha untuk dijauhi dan dihapuskan. Oleh itu, nilai sangat kuat dalam menentukan sikap, pemikiran, pegangan dan pola tindakan, perlakuan dan pendirian manusia dan apabila pola nilai itu bersemi dalam diri manusia, maka jadilah ia unsur yang membentuk hati budinya.

Penerapan nilai-nilai murni juga mempunyai hubungan dengan kesusteraan, khususnya karya-karya sajak. Karya sajak bukan sahaja dapat memberi hiburan dan keindahan bahasa, namun dapat membantu mendidik masyarakat untuk mengamalkan unsur-unsur nilai dalam kehidupan. Karya-karya sastera mampu memberi impak yang besar dalam tingkah laku manusia dengan penggunaan kata-kata indah dan mempunyai unsur deduktif untuk tatapan umum. Dalam konteks ini, bidang sastera merupakan salah satu daripada wadah untuk menerapkan dan menyemaikan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat, dan seterusnya membentuk peribadi mulia dalam diri setiap individu. Pengajaran sastera yang baik dan bermakna dari segi pembangunan jiwa masyarakat ialah pengajaran yang menitikberatkan soal nilai-nilai murni, di samping tidak mengabaikan nilai estetik (Rahman 1987).

Oleh yang demikian, boleh dikatakan nilai merupakan suatu proses tingkah laku yang dapat membentuk perubahan sosial dalam sesebuah masyarakat. Berpandukan amalan-amalan nilai yang baik, seseorang individu dapat memberi sumbangan dan kepentingan dalam kelompok masyarakatnya. Keruntuhan moral sesebuah masyarakat antaranya adalah disebabkan terhakisnya unsur nilai murni dalam kelompok sosial. Penggunaan bahan sastera, seperti puisi dalam salah satu medium pengajaran kepada khalayak ini diharapkan mampu membentuk sebuah masyarakat yang ideal berlandaskan unsur-unsur nilai murni (Muhamad Ali 2009).

KONSEP KEGIGIHAN

Kegigihan didefinisikan sebagai tindakan sukarela yang dilakukan untuk mencapai suatu tujuan meskipun terdapat kekangan, kesulitan dan rintangan. Kegigihan memerlukan adanya suatu perilaku aktif dalam mempertahankan suatu kepercayaan (Peterson & Seligman 2004). Seterusnya, nilai kerajinan merupakan aspek nilai ketekunan, kerajinan dan daya usaha bagi seseorang individu itu melaksanakan tindakannya kepada suatu perkara yang diberikan kepadanya, yang

secara langsung memberi tindak balas yang positif. Nilai kegigihan ini juga menghendaki seseorang itu sentiasa berusaha secara berterusan dan bersungguh-sungguh untuk memenuhi matlamat, sasaran, dan cita-cita demi mencapai kejayaan (Hashim 2008). Penerapan nilai-nilai murni terhadap suatu tugas yang dilaksanakan dengan menjanjikan impak positif kepada individu itu sendiri serta secara langsung membawa kesan kepada masyarakat. Oleh itu, setiap aspek yang diluluskan dan setiap aspek yang dilaksanakan boleh membawa impak besar kepada sesebuah keluarga, kumpulan, organisasi, masyarakat dan negara. Sehubungan itu, penerapan nilai kerajinan merupakan perkara asas yang ada pada setiap individu bagi mentafsirkan nilai-nilai positif kepada imej seseorang, sekali gus menunjukkan nilai-nilainya terhadap masyarakat.

Pembangunan ekonomi dan kestabilan politik merupakan asas kemajuan bagi sesebuah negara. Hal ini mampu membangunkan kesejahteraan dan kebajikan yang lain terutama bidang sosial dan kebudayaan (Jurij 1991). Oleh itu, sifat gigih untuk memajukan diri, keluarga, bangsa, dan seterusnya negara merupakan elemen yang penting untuk memastikan semua pihak menikmati pulangan yang sewajarnya. Nilai kerajinan juga dapat dilihat dalam kalangan masyarakat yang melaksanakan sesuatu tugas atau aktiviti dengan bersungguh-sungguh bagi merealisasikan sesuatu bidang yang diceburinya. Seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh secara bersungguh-sungguh melalui bidang rohani, estetika, sosial, emosi dan jasmani mampu untuk menyumbangkan khidmat bakti kepada negara tanpa ragu-ragu (Kamarudin 1989).

Antara aspek yang dipentingkan dalam Islam ialah sikap bersyukur dengan rezeki yang diperoleh. Nilai ‘rezeki secupak tidak jadi segantang’ diserapkan agar umat Islam yang berusaha tidak berputus asa jikalau usaha mereka menemui kegagalan atau tidak mendatangkan hasil seperti yang diharapkan. Dalam masyarakat Melayu, terdapat sistem nilai yang menggalakkan daya usaha seperti yang digambarkan dalam peribahasa; “Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”; atau “Sedikit-sedikit, lama-lama jadi bukit”. Orang Melayu percaya bahawa masalah hidup berada di mana-mana dan mereka juga percaya setiap masalah yang dihadapi akan dapat diselesaikan (Maniyamin 2009). Oleh itu, dalam konteks masyarakat Melayu, sifat rajin berusaha, cekal dan tabah dalam mengharungi cabaran demi rezeki atau

mengelap sesuatu kejayaan merupakan tuntutan dalam masyarakat dan negara. Golongan nelayan dan petani sinonim dengan kehidupan orang-orang Melayu di desa. Dengan itu, sikap tabah dan cekal seharusnya telah tertanam dalam diri mereka kerana sumber rezeki mereka merupakan sumber alam yang dianugerahkan Tuhan. Ketabahan dan kecekalan inilah yang mampu untuk mereka meneruskan hidup dan seterusnya dapat menjana ekonomi untuk diri, keluarga dan masyarakat.

Berdasarkan pernyataan dan contoh yang telah dibincangkan, dapat dirumuskan betapa pentingnya pembangunan sepadu itu dilaksanakan supaya mampu membina dan membentuk insan untuk sampai ke taraf kesempurnaan yang mampu menangani pelbagai masalah, termasuklah pengurusan dan pentadbiran (Abd Jalil 2007). Oleh yang demikian, penerapan unsur nilai yang berkaitan dengan nilai kegigihan harus dipupuk dalam jiwa generasi muda yang merupakan aset penting dalam pembentukan sahsiah masyarakat dan pembangunan negara masa akan datang. Justeru, bagi memastikan negara yang penuh dengan sumber alam yang boleh dijana sebagai ekonomi negara seharusnya dapat ditadbir dengan baik oleh golongan muda yang mempunyai keseimbangan dari segi sahsiah diri dan pembangunan negara. Nilai-nilai positif yang tertanam dalam diri merupakan elemen penting bagi mentadbir dan mengurus diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya untuk pembangunan negara.

NILAI KEGIGIHAN DALAM SAJAK

Dalam menganalisis unsur nilai yang menjurus kepada nilai kerajinan berdasarkan karya-karya sajak Melayu, penyair-penyair telah memperlihatkan dalam sajak-sajak mereka yang berhubung dengan penerapan nilai murni ini bagi membentuk jiwa pembaca untuk lebih bersemangat dan bertentara bagi melaksanakan sesuatu perkara. Beberapa buah sajak yang dipilih, didapati membawa unsur nilai kegigihan oleh penyair-penyair yang berkenaan. Sajak bertemakan harapan, seruan, saranan dan galakan telah diterjemahkan oleh penyair dalam sajak-sajak mereka. Justeru, penerapan nilai ini kepada para pembaca merupakan benih untuk membentuk masyarakat ke arah tindakan dan perlakuan positif.

Penyair Mahaya Mohd. Yassin menerusi sajak “Harapan” telah menerapkan unsur harapan dan keazaman kepada khalayak.

Penyair memberi semangat dengan menyusun kata seperti dalam frasa ‘menderap meningkah azam’ dan ‘adalah sinar harapan’ merupakan kata-kata yang mengharapkan jiwa yang kental bagi menghadapi dan melaksanakan sesuatu perkara dalam kehidupan dengan perancangan yang teratur bagi memastikan segala tindakan itu mampu memberikan kebahagiaan dan kegemilangan untuk semua pihak seperti pada rangkap berikut:

Tapak demi tapak diatur
menderap meningkah azam
adalah sebuah sinar harapan
saksi sumpah setia anak warisan
Biar gentian musim mencatatkan
jiwa-jiwa murni merestui
perjalannnya seberani suatu kebangkitan
demi kebahagian dan kemilangan semua.

(Zalila Sharif dan Hasni Abas 2005: 117)

Dalam rangkap-rangkap di atas juga, dapat diteliti dalam ‘saksi sumpah setia anak warisan’ merupakan ungkapan yang mendorong anak-anak warisan yang dirujuk sebagai golongan muda untuk bersumpah setia agar terus mengatur langkah dengan keazaman yang tinggi bagi menggalas tugas sebagai anak watan yang bersemangat waja. Usaha ke arah kebaikan dan kepentingan semua pihak menjadi asas kepada pembangunan negara.

Kualiti kehidupan individu itu bergantung kepada usaha, ketekunan dan keyakinan dalam diri. Melalui sajak Rahman Shaari yang bertajuk “Berundur Tidak” yang khusus untuk menghargai penawan puncak gunung Everest oleh Muqharrabin seperti dalam sajaknya yang berikut:

Kami menyambutmu, Muqharrabin kerana
kau pemuda yakin
ketika puncak Everest kaupijak
kau sebenarnya berdiri sebagai penggerak
semoga dalam melangkah
jiwa bangsamu bersemarak
berundur tidak.

(Zalila Sharif dan Hasni Abas 2005: 128)

Muqharrabin atau nama penuhnya Muhammad Muqharrabin bin Mokhtaruddin merupakan pendaki gunung Everest termuda Asia Tenggara. Muqharrabin yang ketika itu merupakan seorang

siswazah telah berjaya mengharumkan nama bangsa dan negara di persada dunia, sekali gus dapat memberi inspirasi kepada golongan muda yang lain. Hal ini membuktikan bahawa rakyat Malaysia juga mampu bersaing dengan bangsa lain di dunia.

Ungkapan yang dibina oleh Rahman Shaari, seperti ‘kerana kau pemuda yakin’, ‘kau sebenarnya berdiri sebagai penggerak’, merupakan frasa yang kuat memberi rangsangan kepada generasi muda. Tanpa sikap gigih, agak sukar anak muda ini menakluk puncak Everest yang terpaksa melalui berbagai-bagai kesukaran, seperti lurah dan gaung, salji, cuaca sejuk dan sebagainya. Akhirnya, dengan kegigihan yang luar biasa, pemuda ini berjaya menakluk puncak Everest yang telah ditawan oleh Edmund Hillary lebih separuh abad yang lalu.

Kegigihan Muqharrabin dapat dilhat dalam sajak ini. Perlakuan seperti inilah yang sepatutnya diikuti oleh anak-anak muda lain di negara ini, sebagai menunjukkan rasa bangga terhadap tanah air dan menjadi warganegaranya. Pemilihan Muqharrabin dalam sajak Rahman Saari ini adalah sebagai satu sokongan moral terhadap kejayaan anak muda ini yang amat membanggakan bangsa dan negara di mata dunia.

Berdasarkan frasa-frasa yang tersirat di atas, terkandung nilai falsafah yang tinggi, yang memberi pengajaran kepada pembaca, iaitu semakin tinggi pangkat dan kedudukan, janganlah seseorang itu bersikap takbur. Samalah seperti apabila berada di puncak yang tinggi, jangan sompong dan bermegah diri kerana apabila tergelincir jatuh akan membawa padah kepada diri sendiri. Justeru, di puncak mana manusia berada perlu insaf, semuanya terletak pada takdir tuhan.

Soal kegigihan juga telah diangkat oleh Rejab F.I menerusi sajaknya ‘Lagu Anak Permatang’ Antaranya berbunyi:

Semoga angin semoga hujan tenanglah riaknya petak di sawah tersemai padinya subur menghijau

tiada banjir tiada kemarau meranap cicit berlabuhlah sebuah bahtera di pulau bahagia.

begitu cita dan lagu puisi anak di permataang menunggu sawahnya di musim kedua penuh harapan

impian indah bersama tekad penuh ditatang semusim lagi hidup ini sinarnya gemilang.

(Zalila Sharif dan Hasni Abas 2005: 132)

Jelas sajak ini menerapkan tema kerajinan petani yang mengusahakan sawahnya. Petani wajar rajin berusaha mengerjakan sawahnya. Bukan sahaja untuk menyara diri dan keluarga, tetapi sektor pertanian merupakan benteng kepada pembangunan ekonomi negara. Frasa seperti yang diungkapkan penyair ‘impian indah bersama tekad penuh ditatang’ dan ‘semusim lagi hidup ini sinarnya gemilang’ merupakan ungkapan yang membawa perubahan hasil berkat usaha dan sifat gigih para petani mengerjakan bendang sawahnya. Tanpa sifat rajin usaha, sajaknya mungkin menjadi ‘semusim lagi hidup ini sinarnya suram’ akibat daripada tanah sawah yang tinggal terbiar tidak dikerjakan dan diusahakan. Rejab F.I menggunakan ungkapan-ungkapan yang menggesa khalayak dalam pelbagai bidang kerjaya mempunyai sifat gigih berusaha. Selanjutnya, sajak “Anak Pulau” yang ditulis oleh A. Aziz Deraman menggambarkan tentang kegigihan dalam kehidupan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Kehidupan para nelayan ini seperti tidak terbela walaupun negara telah mengelap kemerdekaan. Gambaran ini dapat dilihat melalui:

Anak pulau terjun ke laut
berani dan cekal hati
menyelami dasar hidup
tetapi tidak terbela diri
tenggelam timbul harapan
tiada siapa menakul badan

Pada musim nan tenang
tengkujuh belum datang
betapa dilambung gelombang
tidak ketemu erti kehidupan
untung nasib para nelayan
dibalut luka berpanjangan

(Zalila Sharif dan Hasni Abas 2005: 39)

Sajak di atas merupakan gambaran keperitan hidup yang dilalui oleh para nelayan yang saban hari hidup dilambung ombak demi mencari rezeki untuk keluarga. Sifat kegigihan yang ada dalam diri para nelayan dapat dilihat dalam sajak A. Aziz Deraman. Adanya sifat inilah, mereka sanggup berhadapan dengan apa sahaja rintangan di lautan dan ‘betapa dilambung gelombang’, mereka tetap rajin berusaha demi kelangsungan hidup, walaupun

tidak pasti arah tujuannya bergantung kepada nasib seperti ungkapan ‘untung nasib para nelayan’.

Penyair juga telah memaparkan latar belakang masyarakat nelayan dalam sajak “Pak Tua”. Kehidupan nelayan yang hidup di rumah usang menunjukkan gambaran penyair bahawa nelayan masih lagi hidup dalam kemiskinan. Hanya laut yang menjadi peneman setia untuk para nelayan mengadu nasib. Sifat rajin para nelayan diungkapkan menerusi sajak ini. Antara rangkap yang dicatat oleh penyair:

Pak Tua, tuanya setua teratak usang pusaka
Kenangan hujung kuala turun-temurun
Sinar matanya membelah laut hidup kehidupan
Tersadai sekoci, pukat panjang, segala alat
miliknya
Ingatan bertahun rasa berkurun terkurung,
Pudar harapnya tanpa pewaris yang sanggup
berpaut
Menukar sekoci menjadi kapal
Jadikan pulau tanah sekepal

(Zalila Sharif dan Hasni Abas 2005: 40)

Sejak zaman muda hingga ke hari tuanya, ‘Pak Tua’ rajin bekerja sebagai nelayan bagi menyara keluarga dan membesarakan anak-anak. Menerusi sajak ini, Pak Tua meluahkan nada kesal kerana kerjayanya sebagai nelayan tidak diwarisi oleh anak-anaknya seperti yang dapat diteliti menerusi ungkapan, ‘Pudar harapnya tanpa pewaris yang sanggup berpaut’, ‘Menukar sekoci menjadi kapal’ dan ‘Jadikan pulau tanah sekepal’. Hal ini terjadi disebabkan perubahan zaman yang dilalui anak-anak Pak Tua. Mereka yang telah mempunyai pendidikan yang baik merubah nasib kepada kerjaya lain yang lebih menjamin kehidupan mereka.

Istilah ‘lagu’ juga telah digunakan oleh Teo Huat dalam sajaknya yang bertajuk “Lagu Nelayan”. Seperti puisi-puisi yang telah dilihat di atas, penyair juga telah menggarap tentang kehidupan nelayan. Penyair menyuarakan dalam rangkap berikut:

Janganlah menakutkan aku
laut itu berombak dan beribut
kerana rasaku

ombak cuma pemain muzik nan merdu

taufan ribut hanya cuba melatih badanku

kehidupanku sarat
gagal berani
dan aku tak peduli
bahaya yang aku hadapi
aku cuma mendorong diri
memegang kejap
hari ini.

(Zalila Sharif dan Hasni Abas 2005: 156)

Berdasarkan sajak tersebut, kehidupan para nelayan digambarkan oleh penyair dengan kesusahan dan kepayaan. Namun, segala masalah itu dianggap suatu perkara yang menyeronokkan dalam kehidupan, seperti katanya dalam ‘Janganlah menakutkan aku/laut itu berombak dan beribut/kerana rasaku/ombak cuma pemain muzik nan merdu/taufan ribut hanya cuba melatih badanku’. Keterbalikan maksud yang ingin disampaikan oleh penyair merupakan suatu estetika dalam penulisan sajak yang mempunyai gambaran ‘keseronokan’ bagi kaum nelayan yang menganggap bahawa kepayaan dan cabaran yang dilalui oleh mereka di lautan itu sebagai suatu perkara yang lumrah seperti alunan muzik dalam kehidupan nelayan, demi mencari rezeki dan pendapatan seperti dalam perumpamaan Melayu, ‘alah bisa tegal biasa’.

Selain daripada sifat cekal dan tabah dalam menempuh kehidupan sebagai nelayan, melalui sajak “Lagu Nelayan” ini, didapati bahawa nilai keberanian dalam menghadapi kegagalan juga perlu ada dalam kehidupan. Berani dalam kegagalan ini merujuk semangat untuk terus gigih berusaha sehingga tercapai hasrat yang diidamkan. Adakah dengan melihat laut yang dalam dan ombak kuat bergelora, nelayan tidak turun ke laut? Pastinya kehidupan diri dan keluarganya pada hari itu akan tergugat. Justeru, sifat gigih harus dijadikan ikutan dan amalan terbaik bagi memenuhi cita-cita dan harapan yang diidamkan dalam diri setiap manusia.

Bagi menerapkan nilai positif berunsur kegigihan, penyair A. Wahab Ali telah mendedikasikannya dalam puisi “Pemahat Gunung”. Sajak ini menggambarkan perihal seorang pemahat atau tukang pecah batu yang menjadikan aktiviti ini sebagai suatu proses kehidupan dalam dirinya. Hal ini dapat digambarkan seperti dalam rangkap berikut:

Gunung pejal rata
di tapaknya berdiri pemahat
seorang jeneral bernyanyi

memandang barisan gunung
adalah kehidupan
sujud dan tertawan

(Zalila Sharif dan Hasni Abas 2005: 55)

Penyair telah menegaskan seperti rangkap sajak di atas bahawa ilmu dan kepakaran dalam bidang yang diceburi merupakan dorongan yang paling penting dalam proses menyiapkan tugasnya. Demi mencapai hasratnya, pemahat ini sangat gigih untuk merealisasikan kerjanya. Dia diumpamakan seperti seorang ‘general’ yang berasa puas setelah tugasnya dapat diselesaikan dengan jayanya. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan ‘Gunung pejal rata/di tapaknya berdiri pemahat/seorang jeneral bernyanyi’. Ungkapan ini merupakan gambaran sikap rajin akan membawa hasil yang setimpal dengan usahanya.

Semangat rajin berusaha merupakan suatu amalan yang sangat dituntut kerana ‘usaha itu tangga kejayaan’. Kejayaan yang dikecapi bukan sahaja dapat memuaskan hati individu yang melaksanakannya malah, dapat dikongsi bersama dengan ahli keluarga dan masyarakat yang lain. Justeru, sikap sebegini haruslah dipupuk dalam kalangan generasi muda kerana kejayaan tidak akan datang bergolek di zaman yang serba canggih ini. Rakyat Malaysia perlu meningkatkan usaha secara bersungguh-sungguh bagi memajukan diri dalam semua bidang yang diceburi, khususnya bidang-bidang profesional dan kemahiran.

Seterusnya, kehidupan dalam kemiskinan merupakan suatu perkara yang sangat mencengkam dalam kehidupan individu yang merasainya. Kepayahan dan kesulitan hidup sentiasa menggamit diri bagi meneruskan dan membina sebuah kehidupan. Salmi Manja dalam sajak “Daerah Kemiskinan” mengungkapkan:

Daerah yang kemiskinan rezeki
hilang kekuatan dalam mencari
segala terdesak kehilangan peri
kepincangan memanjang memamah budi.

Dengan hati penuh berani
hancurkanlah segala yang keji
daerah hitam kemiskinan rezeki
capailah hidup penuh murni.

(Zalila Sharif dan Hasni Abas 2005: 143)

Berdasarkan sajak tersebut, penyair mengupas persoalan masyarakat yang hidup dalam kemiskinan dan kesusaahan. Segala keperitan hidup telah digambarkan oleh penyair dalam frasa ‘Daerah yang kemiskinan rezeki’. Penyair telah menggunakan frasa ini untuk memperlihatkan bahawa apabila hidup dalam kemiskinan akan menyebabkan kehidupan seseorang akan diselubungi dengan kepayahan dan kesulitan hidup walaupun hanya untuk sesuap nasi, seperti ungkapan ‘hilang kekuatan dalam mencari/segala terdesak kehilangan peri’. Segala permasalahan ini jika tidak diatasi akan menyebabkan ‘kepincangan memanjang memamah budi’. Frasa ini menggambarkan keressahan penyair kerana manusia dalam kehidupan yang terhimpit sanggup melakukan apa saja untuk hidup, seperti merompak, mencuri, menipu dan sebagainya. Hal ini seajar dengan maksud nabi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, yang maksudnya; bahawasanya berusaha mencari kayu dan memikul di punggungnya, lebih baik daripada meminta-minta kepada seseorang, baik diberi maupun tidak (Amina Noor 2008).

Justeru, mereka memerlukan sedikit ruang sebagai pelepas penderitaan. Atas desakan hidup dalam kemiskinan, penyair telah menyeru agar mereka keluar daripada kepompong kemiskinan ini dengan hati yang cukup berani agar penderitaan dapat diakhiri. Antara ungkapan yang diutarakan penyair adalah: ‘Dengan hati penuh berani/hancurkanlah segala yang keji/daerah hitam kemiskinan rezeki/capailah hidup penuh murni’. Seruan penyair ini merupakan kata-kata azimat yang perlu diteladani oleh para pembaca. Sekiranya berusaha dengan gigih akan membolehkan seseorang itu keluar daripada belenggu kemiskinan dan seterusnya dapat menjalani kehidupan yang normal dan senang seperti orang lain.

Pemikiran yang ingin diungkapkan oleh Salmi Manja ini ialah untuk menyedarkan betapa sukarnya hidup dalam belenggu kemiskinan. Penyair menyeru khalayak supaya bangkit untuk berusaha dengan gigih dalam sebarang tindakan demi memastikan kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang. Sifat kegigihan merupakan nilai yang dapat dilihat melalui sajak ini. Pada zaman globalisasi ini, sepatutnya kadar kemiskinan dalam kehidupan masyarakat berkurangan kerana peluang-peluang pekerjaan telah banyak disediakan untuk rakyat. Persoalan kegigihan memainkan peranan penting untuk memajukan diri sendiri ketika ini.

Seterusnya, Roslani Ashikin telah menggarap persoalan masa dalam sajaknya yang bertajuk “Masa”. Perihal ‘masa’ telah diolah oleh penyair dengan baik sekali seperti dalam rangkap-rangkap berikut:

*“Time is money” peribahasa Inggeris
mendedahkan “Masa itu wang” pendeknya
Erti, ingat-ingat wahai rakan
Masa yang silam – masa yang telah tenggelam
Kelihatan bermalam – kerana hampir kelam
Masa! Masa!! Kamu berjasa
Bagi manusia yang tahu merasa.*

(Zalila Sharif dan Hasni Abas 2005: 134)

Masa merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan sehari-hari manusia. Dalam kehidupan, seseorang yang gigih mencari rezeki dengan menggunakan masa sebaiknya akan mendatangkan manfaat dalam kehidupannya. Hal ini dapat dilihat melalui ungkapan “/Time is money” peribahasa Inggeris mendedahkan “masa itu wang” pendeknya”/ seperti yang telah diungkap oleh Roslani Ashikin. Bahkan dalam peribahasa Melayu juga ada menyatakan bahawa ‘masa itu emas’; terlalu berharga dan bernilai. Sesungguhnya seseorang yang mengabaikan masa itu tergolong dalam orang yang rugi kerana masa yang telah berlalu tidak mungkin dapat dikehjarkan kembali. Dalam konteks masa ini, hubungan antara masa dan perjalanan hidup manusia sangat berkaitan dalam banyak aspek, seperti ungkapan ‘Masa! Masa!! Kamu berjasa/Bagi manusia yang tahu merasa’, merupakan ungkapan yang sangat berguna kepada setiap manusia yang sangat mementingkan masa dalam kehidupannya. Dalam konteks Islam, Allah Taala telah menegaskan dalam surah al-A’sr (ayat 1 – 3) bahawa masa itu sangat penting untuk dimanfaatkan oleh setiap manusia di dunia ini. Manusia yang mensia-siakan masa dalam kehidupannya akan mendapat kerugian kerana masa yang berlalu itu tidak akan dapat dikehjarkan lagi, sejarah hadis nabi yang bermaksud; “Allah benci kepada pemuda-pemuda yang menganggur” (Amina 2008).

Walaupun ‘masa’ menjadi pokok perbincangan dalam sajak ini, namun ada kaitannya dengan konteks sifat kegigihan. Sekiranya seseorang itu bersifat malas dalam kehidupannya dan menjauhi sifat gigih, akhirnya akan mendatangkan kerugian kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

PENUTUP

Melalui sajak-sajak yang berkaitan dengan nilai kegigihan seperti yang telah dihuraikan, kaum nelayan dan petani banyak dijadikan simbol kerajinan oleh para penyair. Sajak-sajak A. Aziz Deraman contohnya, banyak mengangkat kehidupan payah yang dihadapi oleh para nelayan yang boleh memberi kesedaran kepada khalayak. Hal ini disebabkan kerjaya sebagai nelayan berhadapan dengan banyak risiko yang boleh mengancam nyawa, seperti ribut taufan, gelombang, tsunami dan sebagainya. Ungkapan seperti ‘Anak pulau terjun ke laut’, ‘tenggelam timbul harapan’, ‘untung nasib nelayan’, ‘menukar sekoci menjadi kapal’, ‘justeru laut bukan padang permainan tapi medan tempur pelaut nelayan’, ‘Janganlah menakutkan aku laut’, dan ‘ombak cuma pemain muzik nan merdu’ yang digunakan oleh penyair merupakan elemen penting untuk menimbulkan keinsafan dalam diri pembaca. Setiap orang perlu mempunyai sikap gigih dalam bidang yang diceburi untuk mengubah kehidupan diri dan keluarga. Sajak-sajak A. Wahab Ali dan Rahman Shaari juga mengharapkan setiap individu agar kuat bekerja untuk menyara kehidupan, dan berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu tugas. Ungkapan seperti ‘menderap meningkah azam’, ‘kau sebenarnya berdiri sebagai penggerak’ dan kamu berseru bangunlah bangsa’ merupakan diksi yang sangat kuat untuk mencerminkan semangat yang kuat dalam soal kerajinan yang diharapkan oleh penyair kepada semua pembaca melalui sajaknya.

Semua mesej yang dinyatakan di atas adalah merujuk kepada amalan nilai kegigihan yang perlu diterapkan kepada khalayak pembaca. Seterusnya, dengan mengaplikasikan nilai-nilai kerajinan dalam diri ini juga akan menyebabkan seseorang itu dapat meningkatkan kemajuan dan pembangunan dalam diri, sama ada dalam pendidikan dan kemahiran demi kemajuan hidup pada masa akan datang yang penuh dengan dugaan dan cabaran.

RUJUKAN

- Abd. Jalil Borham. 2008. *Asas Pembangunan Modal Insan*. Kuantan: Syarikat Percetakan Inderapura Sdn. Bhd.
Amina Noor. 2008. *Bimbingan Mengenal Diri untuk Remaja*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
Hashim Haji Musa. 2008. *Hati Budi Melayu Pengukuhan Menghadapi Cabaran Ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Jurij Hj. Jalaludin 1991. *Wawasan 2020 Aspek Politik dan Sosial*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu (M) Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hj. Kachar. 1989. *Strategi Penerapan Nilai-Nilai Islam di Institut Pendidikan (Dari Perspektif Pengurusan)*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Maniyamin Ibrahim. 2009. *Konteks Sastera & Budaya Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Muhamad Ali Embi. 2009. *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nik Safiah Karim. 1985. Ke arah Mencari Nilai Bersama Masyarakat Malaysia. Asas-asas Nilai Sosial Melayu. Kertas Kerja Seminar Ijazah Tinggi. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Peterson, C., & Seligman, M.E.P. 2004. *Character Strengths and Virtues: A Handbook and Classification*. New York: Oxford University Press.
- Rahman Shaari. 1997. *Penilaian dan Penghayatan Sastera*. Selangor: Marwilis Publisher.
- Sufean Hussin. 1995. *Pengajaran Nilai dalam Kurikulum*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Hashim Wan Teh. 1998. *Pengenalan, Nilai dan Budaya Masyarakat Desa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zalila Sharif dan Hasni Abas (peny.). 2005. *Antologi Puisi Tanah Airku, Penghayatan Sastera dan Budaya Program Latihan khidmat Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Haidi Mohd Kasran, Ph.D
Pensyarah Kanan
Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu,
Lembah Pantai
59990 Kuala Lumpur, MALAYSIA
E-mel: ihaidi_ipr@yahoo.com
Tel: 019-374089

Diserahkan: 22 September 2016

Diterima: 17 Oktober 2016